

Analisis literatur: Senario jenayah Pemerdagangan Buruh Paksa di Malaysia

Literature Analysis: Criminal Scenario of Forced Labor Trafficking in Malaysia

Siti Hajar Mislan* & Nafisah Ilham Hussin

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

* hajarmislan97@gmail.com & nafisah@fsk.upsi.edu.my

Published: 26 July 2023

To cite this article (APA): Mislan, S. H., & Ilham Hussin, N. (2023). Literature Analysis: Criminal Scenario of Forced Labor Trafficking in Malaysia: Analisis literatur: Senario jenayah Pemerdagangan Buruh Paksa di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 83–92. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.8.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.8.2023>

ABSTRAK

Isu bukan tradisional merupakan isu-isu yang tidak bersifat ketenteraan seperti ekonomi, politik, sosial dan alam sekitar. Jenayah pemerdagangan orang adalah satu isu bukan tradisional yang perlu diberi perhatian. Pemerdagangan orang turut dikenali sebagai perhambaan bentuk zaman moden dan dianggap sebagai ancaman bukan ketenteraan yang boleh mengancam kesejahteraan dan keselamatan individu, masyarakat dan negara. Pemerdagangan orang terdiri daripada gabungan tiga elemen iaitu tindakan (*the act*), cara melakukan (*the means*) dan tujuan pemerdagangan (*the purposes*). Salah satu bentuk jenayah pemerdagangan orang adalah pemerdagangan buruh paksa yang mengandungi unsur eksploitasi terhadap orang melalui kekerasan, paksaan, ancaman dan penipuan. Diskriminasi terhadap orang boleh berlaku apabila adanya tuntutan permintaan dan penawaran dalam amalan kapitalisme. Hal ini jelas menunjukkan, manusia sanggup menindas demi memenuhi kepentingan peribadi. Artikel ini bertujuan membentangkan senario berkaitan pemerdagangan buruh paksa di Malaysia. Kaedah pengumpulan data melalui teknik analisis dokumen dipilih bagi mengumpulkan maklumat berkaitan isu ini. Sumber seperti artikel jurnal adalah melalui pencarian di pangkalan data *Google Scholar*.

Kata kunci: diskriminasi, eksploitasi, jenayah terancang, pemerdagangan buruh paksa

ABSTRACT

Non-traditional issues are non-military issues such as economic, political, social and environmental issues. The crime of human trafficking is a non-traditional issue that needs attention. Human trafficking is also known as modern-day slavery and is considered a non-military threat that can threaten the well-being and security of individuals, communities and countries. Human trafficking consists of a combination of three elements, namely the act, the means and the purpose of trafficking. One of the criminal forms of human trafficking is forced labor trafficking which contains elements of exploitation of people through force, coercion, threats and fraud. Discrimination against people can occur when there is demand and supply in the practice of capitalism. This clearly shows that people are willing to oppress in order to fulfill personal interests. This article aims to present a scenario related to forced labor trafficking in Malaysia. The method of data collection through document analysis techniques was chosen to gather information related to this issue. Sources such as journal articles are through searches in the *Google Scholar* database.

Keywords: discrimination, exploitation, organized crime, forced labor trafficking

PENGENALAN

Jenayah pemerdagangan orang dikenali sebagai perhambaan zaman moden. Jenayah ini berlaku disebabkan adanya tuntutan permintaan dan penawaran (*supply and demand*) dalam amalan kapitalisme ekoran sikap tamak demi kepentingan peribadi. Segelintir manusia sanggup mengabaikan isu moral yang membawa kepada diskriminasi terhadap manusia (Kartini, 2015; Weckroth & Kemppainen, 2023). Jenayah terancang seperti pemerdagangan orang merupakan satu isu bukan tradisional¹ yang melanggar hak asasi manusia² malah mengandungi unsur eksploitasi manusia melalui kekerasan, paksaan, ancaman dan penipuan (Bakri, et al., 2018; *Child Welfare Information Gateway*, 2020; Fatimi et al., 2016; Lili Yulyadi dan Muhamad Zulhadis, 2021). Jenayah pemerdagangan orang terdiri daripada lima bentuk. Antaranya eksploitasi seksual, buruh paksa, pengabdian domestik secara paksa, penjualan organ dan pemerdagangan bayi (Nurul Amirah et al., 2019; Norruzeyati & Mohammad Rahim, 2018).

Penulisan artikel ini memfokuskan pemerdagangan orang untuk tujuan buruh paksa di Malaysia. Menurut Konvensyen No. 29, takrifan mengenai buruh paksa dalam *International labour office* (ILO) bermaksud seseorang tidak menawarkan dirinya secara sukarela dalam sebarang pekerjaan atau perkhidmatan yang dituntut daripada mana-mana orang di bawah ancaman apa-apa penalti (OHCHR, 2014). Statistik di peringkat global pada tahun 2022 menunjukkan pemerdagangan untuk tujuan buruh paksa adalah sebanyak 38.8 peratus (UNODC, 2022). Manakala statistik yang dikeluarkan oleh ILO pada tahun 2022 mendapati seramai 28 juta orang terlibat dalam bentuk pemerdagangan orang kategori buruh paksa³ di peringkat global berbanding 24,850 orang pada tahun 2017. Jumlah kedua-dua tahun tersebut menunjukkan jurang perbezaan yang ketara.

Negara Malaysia tidak terkecuali daripada terlibat dengan isu pemerdagangan buruh paksa. Pada tahun 2015, terdapat dakwaan berkaitan eksploitasi di sektor elektrik dan elektronik melibatkan empat syarikat multinasional iaitu *Seagate*, *Intel*, *Western Digital* dan *Hewlett Packard*. Dakwaan tersebut merujuk kepada eksploitasi dari aspek keterikatan hutang, ugutan dan ancaman serta penyimpanan dokumen pengenalan diri (*The guardian*, 2014). Sementara itu, isu pemerdagangan buruh paksa di Malaysia kembali hangat apabila pihak Amerika Syarikat mengharamkan segala aktiviti import produk berasaskan sawit daripada *FGV Holdings Bhd* (FGV) (Astro Awani, 22 Oktober 2020) dan tidak terkecuali syarikat *TOP Glove Corporation Bhd* turut memasuki senarai larangan Amerika Syarikat kerana disyaki mengamalkan amalan buruh paksa dalam operasi pengeluaran sarung tangan pakai buang (Sinar Harian, 1 Mac 2022). Sehubungan dengan ini, artikel ini akan membincangkan apakah senario jenayah pemerdagangan buruh paksa di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui teknik analisis dokumen. Teknik analisis dokumen merupakan satu prosedur yang menggabungkan dua jenis pencarian secara manual dan elektronik (Bowen, 2009; Norruzeyati & Mohammad Rahim, 2018). Sumber seperti artikel jurnal adalah melalui pencarian di pangkalan data *Google Scholar*. Proses pengumpulan data analisis dokumen ini merangkumi tiga langkah. Pertama, mengenal pasti kata kunci artikel terpilih seperti


¹ Isu bukan tradisional merupakan isu-isu yang tidak bersifat ketenteraan seperti ekonomi, politik dan alam sekitar.

² Hak asasi manusia boleh ditakrifkan sebagai hak yang dasar atau mesti dan wajib diterima dengan sama rata seperti hak untuk memberi pendapat, mendapat perlindungan dan pendidikan yang sempurna, makanan, menganut agama atau kepercayaan dan sebagainya.

³ Pemerdagangan buruh paksa bukan sahaja memberi ancaman keselamatan dalam aspek ekonomi namun dalam aspek sosial turut terkesan kerana jenayah tersebut merampas kebebasan, maruah manusia dan menyebabkan institusi kekeluargaan berpecah belah. ILO menjelaskan terdapat set indikator yang mengandungi 11 petunjuk bagi tujuan mengenal pasti perlakuan buruh paksa seperti penyalahgunaan kelemahan kerentanan, penipuan, sekatan pergerakan, terasing, kekejaman fizikal dan seksual, ugutan dan ancaman, penyimpanan dokumen diri, penahanan gaji, keterikatan hutang, penganiayaan keadaan kerja dan tempat tinggal serta kerja lebih masa yang melampau.

'pemerdagangan manusia', dan 'buruh paksa'. Daripada langkah pertama ini, terdapat 120 artikel telah dijumpai di pangkalan data *Google Scholar*. Kedua, melakukan saringan artikel bagi memastikan artikel yang ditemui relevan dengan penulisan artikel ini. Ketiga, menyemak keseluruhan artikel yang dipilih. Keempat, mengumpulkan artikel yang terpilih.

Rajah 2: Diagram PRISMA



(Diadaptasi dari Moher et al., 2021.)

DEFINISI

Bahagian ini membincangkan tentang definisi. Perbincangan dalam bahagian ini melibatkan perbincangan berkenaan definisi pekerja migran, pemerdagangan orang dan pemerdagangan buruh paksa. Penulisan artikel ini memerlukan pemahaman yang meluas berhubung ketiga-tiga definisi ini.

Pekerja Migran

Bahagian ini membincangkan definisi pekerja migran dari ILO *Migration for Employment Convention (Revised)*, 1949 (No. 97), Article 11 dan *United Nations Convention on the Protection of the Rights of all Migrant Workers and Members of their Families*, 1990, Article 2(1). Definisi pekerja migran menurut ILO *Migration for Employment Convention (Revised)*, 1949 (No. 97), Article 11 bermaksud:

"Migrant for employment. "A person who migrates from one country to another with a view to being employed otherwise than on his own account and includes any person regularly admitted as a migrant for employment."

Manakala, *United Nations Convention on the Protection of the Rights of all Migrant Workers and Members of their Families, 1990, Article 2(1)* menjelaskan definisi pekerja migran adalah:

“A person who is to be engaged or has been engaged in a remunerated activity in a state of which he or she is not a national.”

Kajian ini menggunakan kedua-dua definisi pekerja migran ini dalam memahami situasi dan tindakan pekerja migran yang memilih untuk berhijrah dari negara asal mereka ke negara yang lain.

Pemerdagangan Orang

Bahagian ini membincangkan definisi pemerdagangan orang dari *United Nations Protocol (UN Protocol)* dalam Artikel 3 (2000) dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. *United Nations Protocol (UN Protocol)* dalam Artikel 3 (2000) mendefinisikan pemerdagangan orang sebagai:


“Trafficking in persons” shall mean the recruitment, transportation, transfer, harbouring or receipt of persons, by means of the threat or use of force or other forms of coercion, of abduction, of fraud, of deception, of the abuse of power or of a position of vulnerability or of the giving or receiving of payments or benefits to achieve the consent of a person having control over another person, for the purpose of exploitation. Exploitation shall include, at a minimum, the exploitation of the prostitution of others or other forms of sexual exploitation, forced labour or services, slavery or practices similar to slavery, servitude or the removal of organs”

Manakala, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 Seksyen 2 mendefinisikan pemerdagangan orang sebagai:

“Segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang.”

Berdasarkan kepada kedua-dua definisi yang dirujuk, didapati lebih mudah untuk memahami dan mendalami definisi tersebut dengan merujuk rajah 3.1 yang merupakan hasil keseluruhan perbincangan definisi pemerdagangan orang oleh *United Nations Protocol (UN Protocol)*. Terdapat tiga bahagian yang dibincangkan dalam definisi pemerdagangan orang tersebut iaitu proses, maksud dan matlamat. Proses meliputi elemen pengrekrutan, perpindahan, penerimaan dan pengangkutan. Dari aspek maksud pula meliputi sebahagian elemen seperti ancaman, paksaan, penipuan dan penyalahgunaan kuasa. Manakala dari segi matlamat secara umumnya adalah untuk eksploitasi seperti pelacuran, pornografi, buruh paksa dan perhambaan.

Rajah 3: Definisi Pemerdagangan Orang



(Sumber: *UN Protocol, 2000*).

Pemerdagangan Buruh Paksa


Seterusnya, definisi pemerdagangan buruh paksa dibincangkan dari aspek *Trafficking In Persons Report* pada tahun 2008 dan *Forced Labour Convention, 1930* (No. 29). Definisi pemerdagangan buruh paksa menurut *Trafficking In Persons Report (2008)* bermaksud:

Manakala, *Forced Labour Convention, 1930* (No. 29) menjelaskan bahawa definisi pemerdagangan buruh paksa adalah:

"All work or service which is exacted from any person under the threat of a penalty and for which the person has not offered himself or herself voluntarily."

Rajah 3.2 menunjukkan penjelasan berhubung definisi pemerdagangan buruh paksa yang mengandungi tiga elemen penting. Ketiga-tiga elemen berikut adalah seperti kerja atau perkhidmatan, ancaman sebarang penalti dan tanpa kerelaan. Kerja atau perkhidmatan menjelaskan bahawa di dalam definisi pemerdagangan buruh paksa berlaku melibatkan perkhidmatan di sektor perladangan, pembuatan, perkilangan dan perikanan. Manakala dari segi ancaman sebarang penalti pula berhubung adanya unsur seperti paksaan psikologi, keganasan fizikal dan sekatan kebebasan bergerak. Dari aspek tanpa kerelaan pula mengandungi unsur penipuan, paksaan, eksploitasi dan manipulasi.

Rajah 3.2: Definisi Pemerdagangan Buruh Paksa



(Sumber: *Trafficking In Persons Report, 2008*).

Berdasarkan kedua-dua definisi berikut, elemen-elemen di dalam definisi pemerdagangan orang dan pemerdagangan buruh paksa adalah penting bagi penulisan artikel ini. Tambahan pula, tanpa rujukan dan pemahaman terhadap definisi yang mendalam berkemungkinan penulisan artikel ini mengalami masalah dalam membezakan fakta berhubung pemerdagangan buruh paksa atau penyeludupan.

ANALISIS LITERATUR

Dalam bahagian ini, perbincangan berkenaan senario jenayah pemerdagangan buruh paksa di Malaysia akan meliputi faktor penghijrahan pekerja migran dan kesan jenayah pemerdagangan buruh paksa.

Faktor penghijrahan pekerja migran

Senario jenayah ini bermula apabila adanya faktor penolak dan faktor penarik⁴ yang menyebabkan pekerja migran memilih untuk berhijrah demi meningkatkan taraf hidup yang lebih baik. Hal ini dapat dibuktikan dalam kajian-kajian lepas seperti kajian Nurul Amirah et al., (2020) yang menjelaskan dua faktor penting seperti pembangunan ekonomi negara sedang membangun seperti negara Malaysia dan jurang kemiskinan di negara asal antara faktor penghijrahan pekerja migran. Tidak dinafikan antara sektor terpenting dalam pembangunan ekonomi negara Malaysia adalah sektor industri dan perladangan. Maka, tidak hairanlah pekerja migran memilih untuk berhijrah mencari peluang pekerjaan sekaligus memperbaiki taraf hidup. Menurut Intan Suria et al., (2016), negara Malaysia merupakan pilihan pekerja migran sebagai negara destinasi kerana mempunyai ciri-ciri budaya yang sama. Namun sebaliknya, pekerja migran terlibat dengan keterikatan hutang bersama ejen pekerjaan dan majikan (Azad, 2019; Devadason, 2020; Deshpande & Nour, 2013; Kaur, 2010; Lewis et al., 2015; Suhana & Ali, 2014; Washburn, 2022). Tambahan lagi, pekerja migran yang berasal dari Indonesia, Nepal, India, Thailand, China, Filipina, Myanmar, Kemboja, Bangladesh, Pakistan dan Vietnam antara pekerja migran yang tanpa sedar menjadi mangsa buruh paksa kerana tiada pilihan selain berhutang dengan agen malah mereka sanggup membayar faedah dan caj tambahan yang tinggi (Brandström, 2014; Kaur 2010; Suhana & Ali 2014).

Rumainur dan Kamal (2019) dalam kajiannya mendapati pada peringkat awal sejarah hubungan kerja di Indonesia menunjukkan para pekerja adalah pihak yang secara sosio-ekonominya mempunyai kedudukan yang lemah sekiranya dibandingkan dengan pihak majikan, sehingga mereka perlu mendapat perlindungan undang-undang bagi memperjuangkan hak mereka supaya tidak ditindas oleh pihak majikan yang menyalahgunakan kedudukan. Terdapat juga kajian yang menjelaskan persepsi sosial terhadap jenayah ini dipengaruhi oleh stereotaip tentang maskuliniti dan kewanitaan. Ini dibuktikan apabila berlakunya penganiayaan di tempat kerja melibatkan buruh wanita menerima bayaran upah yang lebih murah berbanding buruh lelaki walaupun bidang tugas masing-masing adalah sama (Asbah et al., 2017; Borraz & Munyo, 2020; Yuk-Ha Tsang, 2019). Hal ini jelas menunjukkan bahawa kurangnya kesedaran dalam kalangan pekerja migran berkaitan jenayah terancang ini dan undang-undang negara yang akan didiami menyebabkan mereka mudah diperdaya dan dieksploitasi (Angeli, 2017; Marconi, 2021; Munro-Kramer et al., 2021; Sawant et al., 2018).

Kesan jenayah pemerdagangan buruh paksa

Berdasarkan analisis literatur, jenayah pemerdagangan buruh paksa ini memberikan kesan yang serius kepada mangsa. Disebabkan sifat tidak bertanggungjawab dalam sindiket jenayah ini, mangsa menerima padah malah terdapat mangsa yang menghadapi masalah berkaitan kesihatan mental seperti trauma dan gangguan tekanan atau *Posttraumatic stress disorder* (PTSD) (Kulkarni et al., 2021; Namy et al., 2022; Nazaria et al., 2021; Tillyer, 2021). Isu kemiskinan antara perkara yang perlu ditangani dengan segera. Buruh miskin terdiri daripada kaum India turut dieksploitasi oleh kerani, kangani dan mandor (Krishnan & Jayer, 2019). Sekiranya isu ini tidak dibendung, perkembangan sosial dan emosi turut terkesan. Norcikeyonn dan Nor-Ina (2016), berpendapat bahawa mangsa telah dinafikan hak mereka apabila sesetengah golongan manusia melakukan penganiayaan dan penderaan sama ada dari aspek fizikal, mental dan emosi.

Selain itu, jenayah pemerdagangan buruh paksa memberi impak kepada kualiti nilai ketelusan dalam kalangan agensi penguatkuasa. Gejala rasuah dan isu integriti yang berlaku dalam kalangan anggota pegawai penguatkuasa dan keselamatan yang bertugas di sempadan negara masing-masing menjadi unsur utama yang memudahkan aktiviti penyeludupan dan jenayah pemerdagangan orang (Nurasyiva & Rosniza, 2021; Rafidah et al., 2019; Wan Shawaluddin et al., 2020). Disamping itu, masalah literasi seperti yang disuarakan oleh Ollus (2015), dimana definisi buruh paksa perlu ditafsir semula dalam konteks sejarah kontemporari di mana buruh paksa bukan lagi satu aktiviti penjajahan tetapi pada hari ini, buruh paksa adalah satu eksploitasi oleh aktor bukan negara seperti majikan. Sementara itu, Haziman et al., (2021) definisi buruh paksa yang tidak didefinisikan dalam mana-mana

⁴ Perkembangan pesat ekonomi di negara-negara yang sedang membangun dan jurang kemiskinan di negara asal menjadi penyebab utama pekerja migran berhijrah.

aspek perundangan menyebabkan ketidakjelasan dan kesukaran dalam pemakaian undang-undang oleh penguatkuasa dan badan perundangan. Tambah Amy Azuan (2020), dalam kajiannya mempersoalkan tentang persekitaran pekerja di Ladang Sapong pada tahun 1910 semasa pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) yang bekerja sebagai buruh atau hamba yang dieksploitasi oleh pihak majikan berikutan pembayaran gaji yang tidak konsisten setiap tahun.

RUMUSAN

Jenayah pemerdagangan buruh paksa sememangnya membimbangkan. Isu ini bukan sahaja memberi impak kepada mangsa namun turut memberikan kesan kepada pentadbiran negara. Akibat sikap segelintir manusia yang mementingkan kepentingan peribadi menyebabkan mangsa yang tidak bersalah telah dizalimi bukan sahaja secara fizikal malah emosi turut terkesan. Secara keseluruhannya, analisis literatur ini dilaksanakan bagi melihat apakah senario terkini trend jenayah pemerdagangan orang terutama jenayah pemerdagangan buruh paksa. Oleh itu, diharapkan artikel ini dapat dijadikan suatu sumbangan yang bermakna kepada kajian dalam konteks isu keselamatan.

RUJUKAN

- Amy Azuan Abdullah. (2020). Dilema antara perburuhan dan perhambaan: Analisis realiti di ladang Sapong, Borneo Utara (1881-1941). *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 5(1), 45-60. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/view/2847>
- Angeli, D. (2017). Migrant domestic workers and human trafficking in Greece: Expanding the narrative. *Journal of immigrant & refugee studies*, 15(2), 187-203. <https://doi.org/10.1080/15562948.2017.1307478>
- Asbah Razali, Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Fauziah Ani . (2017). *Jenayah menggugat kelestarian wanita* [Pembentangan kertas kerja]. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017) Ayer Keroh, Melaka. <https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1134/391>
- Astro Awani. (2022). Dakwaan buruh paksa: Kesalahan di negara sumber, Malaysia tidak wajar dipersalahkan. Astro Awani Online 10 Mac.
- Azad, A. (2019). Recruitment of migrant Workers in Bangladesh: Elements of human trafficking for labor exploitation. *Journal of human trafficking*, 5(2), 130-150. : <https://doi.org/10.1080/23322705.2017.1422091>
- Bakri Mat, Zarina Othman & Mohd Kamal Omar. (2018). Anjakan paradigma dalam kajian keselamatan insan di Asia Tenggara. *Akademika*, 88 (1). 193-207. <http://ejournal.ukm.my/akademika/issue/view/862>
- Brandström, E. (2014). Forced labor and the migration industry: Outsourcing agencies and migrant workers in Malaysia. <https://gupea.ub.gu.se/handle/2077/35323>
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Borraz, F., & Munyo, I. (2020). Conditional cash transfers, women's income and domestic violence. *International Review of Applied Economics*, 34(1), 115-125. <https://doi.org/10.1080/02692171.2019.1649641>
- Cameron, E. C., Cunningham, F. J., Hemingway, S. L., Tschida, S. L., & Jacquin, K. M. (2020). Indicators of gender inequality and violence against women predict number of reported human trafficking legal cases across countries. *Journal of Human Trafficking*, 1-15. <https://doi.org/10.1080/23322705.2020.1852000>
- Child Welfare Information Gateway. (2020). Definitions of human trafficking. https://www.childwelfare.gov/pubPDFs/definitions_trafficking.pdf
- Devadason. S. E. (2020). Links between international factor flows and labor blossom: The achilles' heel of the brazilian economy 95 standards in Malaysia: Findings from a stakeholder survey. *Journal of Developing Societies*, 36(1), 95-117. <https://doi.org/10.1177/0169796X20907447>
- Deshpande, N. A., & Nour, N. M.. (2013). Sex Trafficking of Women and Girls. *Reviews in Obstetrics and Gynecology*, 6(1), 22-27. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3651545/>
- Fatimi Hanafi, Zulkanain Abdul Rahman, Arbaiyyah Mohd Noor & Mohd Roslan Mohd Nor. (2016). Hak asasi manusia dan penglibatan wanita dalam politik di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 11(1), 17-33. <https://mjir.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8693>

- Haziman Muhamad, Hendun Abd Rahman & Kamal Halili Hassan. (2021). Analisa perundangan buruh paksa dalam konteks piawaian perburuhan antarabangsa dan undang-undang Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(2), 121-134. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol9no2.348>
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v1i2.8>
- Intan Suria Hamzah, Sity Daud, Nor Azizan Idris & Muhammad Shamshinor Abdul Azzis. (2016). Migrasi rentas sempadan etnik rohingya dan implikasi terhadap Malaysia. *Jurnal Sains Insani*, 1, 36-43. <http://103.18.93.160/handle/123456789/16268>
- International Labour Office (ILO). (2022). *Global estimates of modern slavery: Forced Labour and forced marriage*. <https://doi.org/10.54394/CHUI5986>
- Kaur, A. (2010). Labour migration in Southeast Asia: migration policies, labour exploitation and regulation. *Journal of the Asia Pacific Economy*, 15(1), 6-19. <https://doi.org/10.1080/13547860903488195>
- Kartini Aboo Talib @Khalid. (2015). Pemerdagangan manusia: Hak, hambatan dan inisiatif. *Jurnal Academia*, 1-37. https://www.academia.edu/download/39951865/Bil_42_KARTINI_V4.pdf
- Krishnan, P., & Raman, J. H. J. (2019). Kehidupan buruh india ladang di Tanah Melayu, 1900-1941. *Sejarah: Journal of the Department of History*, 28(2). <https://ijps.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/12551/10928>
- Kulkarni, S. J., Marcus, S., Cortes, C., Escalante, C., Wood, L., & Fusco, R. (2021). Improving safe housing access for domestic violence survivors through systems change. *Housing policy debate*, 1-15. <https://doi.org/10.1080/10511482.2021.1947865>
- Lewis, H., Dwyer, P., Hodgkinson, S., & Waite, L. (2015). Hyper-precarious lives: Migrants, work and forced labour in the Global North. *Progress in Human Geography*, 39(5), 580-600. <https://doi-org.ezpustaka2.upsi.edu.my/10.1177/0309132514548303>
- Lili Yulyadi Arnakim & Muhamad Zulhadis. (2021). Respon kerajaan malaysia terhadap pemerdagangan manusia, 2010-2015. *Journal of History Department*, 30(1), 190-214. <http://mojem.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/30787/13179>
- Marconi, V. (2021): Not slaves enough: On the trivialization of systemic migrant Labor Exploitation in Tuscany, Italy. *Journal of Immigrant & Refugee Studies*, <https://10.1080/15562948.2021.1954739>
- Munro-Kramer, M. L., Beck, D. C., Martin, K. E., & Carr, B. A. (2022). Understanding health facility needs for human trafficking response in Michigan. *Public Health Reports*, 137(1), 102-110. <https://doi-org.ezpustaka2.upsi.edu.my/10.1177/00333549211048785>
- Moher, D., Page, M. J., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., ... & McKenzie, J. E. (2021). PRISMA 2020 explanation and elaboration: updated guidance and exemplars for reporting systematic reviews. *bmj*, 372. <https://doi.org/10.1136/bmj.n160>
- Namy, S., Carlson, C., Morgan, K., Nkwanzu, V., & Neese, J. (2022). Healing and Resilience after Trauma (HaRT) Yoga: programming with survivors of human trafficking in Uganda. *Journal of Social Work Practice*, 36(1), 87-100. <https://doi-org.ezpustaka2.upsi.edu.my/10.1080/02650533.2021.1934819>
- Nazaria, V., Ciubotaru, E., Lozan, O., & Terzioglo, S. (2021). The health impacts on victims of human trafficking in the republic of Moldova. *Journal of Human Trafficking*. 1-13. <https://doi.org/10.1080/23322705.2021.1935147>
- Norruzeyati Che Mohd Nasir & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2018). Tinjauan Literatur Pemerdagangan dan Eksploitasi Kanak-Kanak di Asia Tenggara. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 21, 135-154. <https://doi.org/10.32890/jps.21.2018.11560>
- Norcikeyonn Samuni & Nor-Ina Kanyo1. (2016). Tahap pengetahuan pelajar IPTA terhadap isu jenayah pemerdagangan orang: Satu dapatan awal di Universiti Malaysia Sabah. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 8(1), 55-67. <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1731>
- Nurasyiva Juda & Rosniza Aznie Che Rose. (2021). Pengaruh kemasukan migran Indonesia terhadap kesejahteraan ekonomi penduduk di Tawau, Sabah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(2), 1-18. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/394/318>
- Nurul Amirah Hamzah, Nooraini Othman & Wardatul Aishah Musa. (2019). Pemerdagangan Manusia di Malaysia: Isu dan Usaha Membanteras. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(15), 130-140. <http://www.ijlgc.com/PDF/IJLGC-2019-15-06-14.pdf>
- Ollus, N. (2015). Regulating forced labour and combating human trafficking: The relevance of historical definitions in a contemporary perspective. *Journal of Crime Law Soc Change*, 63, 221-246. <https://doi.org/10.1007/s10611-015-9566-6>
- Rafidah Dahari, Nor Azizan Idris & Zarina Othman. (2019). Penyeludupan senjata api di sempadan malaysiathailand dan ancamannya ke atas keselamatan insan. *Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 46(2), 79-117. <http://ejournal.ukm.my/jebat/issue/view/1229>

- Rumainur & Kamal Halili Hassan. (2019). Hubungan pekerjaan di Indonesia: perspektif sejarah-perundangan. *Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 46(2), 56-78. <http://ejournal.ukm.my/jebat/issue/view/1229>
- Tillyer, M. S., Smith, M. R., & Tillyer, R. (2021). Findings from the US National Human Trafficking Hotline. *Journal of Human Trafficking*, 1-10. <https://doi-org.ezpustaka2.upsi.edu.my/10.1080/23322705.2021.1925493>
- The Guardian. (17 September 2014). Modern-day slavery rife in Malaysia's electronics industry. <https://www.theguardian.com/global-development/2014/sep/17/modern-day-slavery-malaysia-electronics-industry>
- Sawant, N., Desai, M., & Malave, V. (2018). Intra and Inter Regional Mobility of Populace of South Asia: Issues And Challenges. *International Journal of Social Science and Humanities Research*, 6(1), 480-487. http://node01.chowgules.ac.in/pub/webassets/NAAC/naac_criteria/criteria2/2.3/2.3.1%20Student%20Entric%20Methods/2.3.1%20A2%20Research%20Papers/2.NNS_MRD_VRM_Intra_Inter%20Regiona1%20Mobility_IJSSHR.pdf
- Suhana Saad & Ali Salman. (2014). Government policy and the challenge of eradicating human trafficking in Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(6), 66-74. <http://journalarticle.ukm.my/8325/1/7x.geografia-nov14-suhana-edam.pdf>
- Sinar Harian. (1 Mac 2022). Top Glove rugi RM3.6 bilion. <https://www.sinarharian.com.my/article/190530/BISNES/Top-Glove-rugi-RM36-bilion>
- Trafficking in Persons Report (2015), Office to monitor and combat trafficking in persons, US department of state. <https://2009-2017.state.gov/j/tip/rls/tiprpt/2015/index.htm>
- United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC). (2022). *Global report on trafficking in persons*. https://www.unodc.org/documents/data-and-analysis/glotip/2022/GLOTiP_2022_web.pdf
- United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC). (2000). *Protocol to prevent, suppress and punish trafficking in persons, especially women and children, supplementing the united nations convention against transnational organized crime*. https://www.unodc.org/res/human-trafficking/2021the-protocol-tip_html/TIP.pdf
- United Nations (UN). (2014). *Human rights and human trafficking*. https://www.ohchr.org/sites/default/files/Documents/Publications/FS36_en.pdf
- Washburn, T., Diener, M. L., Curtis, D. S., & Wright, C. A. (2022). Modern slavery and labor exploitation during the COVID-19 pandemic: a conceptual model. *Global health action*, 15(1), 2074784. <https://doi-org.ezpustaka2.upsi.edu.my/10.1080/16549716.2022.2074784>
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Amrullah Maraining & Ramli Dolah. (2020). Isu penyeludupan di pulau sebatik, Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 26(2), 355-380. <https://doi.org/10.51200/ejk.vi.2784>
- Weckroth, M., & Kempainen, T. (2023). Rural conservatism and the urban spirit of capitalism? On the geography of human values. *Regional Studies*, 1-22. <https://doi-org.ezpustaka2.upsi.edu.my/10.1080/00343404.2022.2151582>
- Vanyoro, K. P. (2019). 'Skeptics' and 'believers': anti-trafficking, sex work, and migrant rights activism in South Africa. *Gender & Development*, 27(1), 123-137. <https://doi.org/10.1080/13552074.2019.1570731>
- Yuk-Ha Tsang, E. (2019). Real men get the best bar girls: Performing masculinities in China's global sex industry. *Deviant Behavior*, 40(5), 559-573. <https://doi-org.ezpustaka2.upsi.edu.my/10.1080/01639625.2018.1431177>